

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]**

TARIKH : **30 OKTOBER 2019 [RABU]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rasional penjenamaan semula Program Perumahan Rakyat (PPR) yang mana harga jualan adalah antara RM90,000 hingga RM300,000. Adakah Kerajaan Persekutuan akan mempertimbangkan semula pelaksanaannya. Jika tidak, adakah akan terdapat pelan kontigensi untuk Pulau Pinang memandangkan harga rumah Kos Sederhana Rendah (KSR) ditawarkan di negeri berkaitan adalah jauh lebih rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, hasrat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menjenamakan semula Program Perumahan Rakyat (PPR) kepada Program Perumahan Malaysia (PPM) adalah masih di peringkat cadangan. Penjamaan semula ini akan melibatkan cadangan mempertingkatkan keluasan lantai minima unit rumah daripada 700kps kepada 900kps selaras dengan Dasar Rumah Mampu Milik Negara (DRMM) yang telah dilancarkan pada 11 Mei 2019.

2. Selain itu, melalui cadangan penjenamaan semula ini, harga jualan unit rumah PPR atau PPM juga akan dinilai semula pada harga RM300,000.00 dan ke bawah. Untuk makluman Yang Berhormat juga, melalui program sedia ada, unit-unit PPR yang telah siap akan dijual dengan harga RM35,000.00 seunit di Semenanjung dan RM42,000.00 di Sabah dan Sarawak. Dalam hal ini, Kerajaan terpaksa menanggung penyediaan subsidi yang hampir mencecah RM150,000 bagi seunit rumah. Oleh yang demikian, KPKT berpandangan harga jualan tersebut perlu dinilai semula dan penyediaan subsidi yang tinggi di pihak Kerajaan adalah amat membebankan untuk jangka masa panjang.

3. Walaupun cadangan penjenamaan semula PPR ini akan melibatkan perbezaan harga rumah yang ketara, Kerajaan akan sedaya mampu menyediakan bantuan kepada golongan B40 ini untuk memiliki rumah melalui kaedah sewaan secara *Rent to Own* atau *end financing* tertentu yang sedang dalam peringkat rundingan antara KPKT dengan institusi kewangan.

4. Cadangan KPKT untuk penjenamaan semula PPR ini telah dipanjangkan kepada semua Kerajaan Negeri melalui surat bertarikh 20 Ogos 2019. Oleh yang demikian, sebarang pandangan dan ulasan yang diterima daripada Kerajaan Negeri akan diteliti dan diberi perhatian dalam cadangan penjenamaan semula PPR ini.

5. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Memorandum Jemaah Menteri (MJM) Cadangan Penjenamaan Semula Program Perumahan Rakyat dan Program Perumahan Mampu Milik di bawah KPKT kepada Rumah Malaysia telah diedar untuk mendapatkan ulasan daripada Kementerian-kementerian yang berkaitan tentang perkara ini.

Sekian, terima kasih.